

PRODUK PENYELIDIKAN USM TEMBUSI PASARAN

PULAU PINANG, 4 September 2014 – “Saya berharap lebih banyak produk penyelidikan dan juga teknologi hasil kerja penyelidik dan pensyarah USM menembusi pasaran tempatan dan antarabangsa,” ujar Naib Canselor Universiti Sains Malaysia, Profesor Dato’ Dr Omar Osman.

“USM akan bergerak dengan lebih fokus dalam penghasilan produk dan penyelidikan dalam bidang yang berasaskan teknologi hijau melalui pengkomersialan dan program pemindahan ilmu dan teknologi kepada masyarakat,” tambah Naib Canselor ketika berucap sempena majlis penandatanganan Memorandum Perjanjian di antara anak syarikat USM, USAINS Holdings Sdn. Bhd. (UHSB) dengan Anano Sphere Sdn. Bhd. (ASSB) di sini hari ini.

Memorandum Perjanjian tersebut dimeterai bagi menjalinkan kerjasama dalam pemasaran produk Nano-TiO₂ hasil penyelidikan pensyarah Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral USM, Profesor Madya Dr. Srimala Sreekantan.

“Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia, pada masa ini seramai 4.3ribu orang meninggal dunia setiap tahun disebabkan pendedahan kepada pencemaran udara.

“Oleh yang demikian, saya bersama-sama sekumpulan penyelidik menghasilkan Nano-TiO₂, penyelesaian kepada pembersihan udara di kawasan tertutup untuk menyahtoksikkan udara dengan mengeluarkan Sebatian Organik Meruap (VOC) dan pada masa yang sama membasmi bakteria dan kulat,” terang Srimala.

Nano-TiO₂ telah menarik perhatian syarikat ASSB untuk membeli teknologi tersebut dan USM telah menjalinkan kerjasama dengan syarikat tersebut sejak dua tahun lalu.

Melalui penggunaan Nano-TiO₂ samada di dalam kereta atau bilik, bilangan bakteria dikesan berkurang sehingga lebih 60 kali ganda. Hal ini dibuktikan oleh Srimala apabila beliau menunjukkan demonstrasi kepada semua dengan menyemburkan Nano-TiO₂ di papan kekunci dan dibiarkan selama

lebih kurang lima minit, bilangan bakteria berkurang daripada 2400 bakteria ke 37 bakteria.

Pengarah Urusan ASSB, Ng Kee Beng percaya pengkomersilan teknologi ini mempunyai potensi tinggi dan dapat memberi manfaat kepada industri global yang selama ini telah membelanjakan berjuta-juta ringgit dalam menangani masalah bakteria dan VOC dalam udara.

“Produk ini juga mesra alam dan selamat untuk alam sekitar.

“ASSB akan terus berusaha untuk mendapatkan rakan kongsi serta pihak yang berminat supaya Nano-TiO₂ ini digunakan oleh setiap orang,” tambah Kee Beng.

“Selain mesra alam, produk ini dapat menghindar manusia daripada terdedah kepada pencemaran alam terutamanya pencemaran udara,” tegas Srimala.

Kerjasama USM melalui UHSB dengan ASSB ini menekankan kepada perolehan teknologi, perundingan teknikal, persediaan kemudahan dan mengenalpasti potensi inovasi dan pengkomersilan pada masa hadapan.

Hadir bagi menandatangani perjanjian tersebut ialah Pengarah Urusan Kumpulan UHSB, Edwin Jose Gomez mewakili UHSB dan turut hadir juga pegawai-pegawai tertinggi USM dan juga ASSB. Teks: Nor Rafizah Md Zain / Foto: Mohamad Danial Shahri